

Apa kata Dr. M

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Kerajaan tidak akan teragak-agak bertindak tegas terhadap golongan-golongan yang menggunakan agama untuk memecahbelahkan rakyat di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan seperti itu perlu untuk menghalang mereka dari merosakkan kehidupan rakyat dan kepentingan negara.

"Sekiranya ia tidak dihalang saya khuatir negara ini mungkin akan jatuh ke tangan musuh-musuh Islam," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menasihatkan rakyat berwaspada terhadap kegiatan golongan-golongan seperti ini yang menggunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri agar tidak berpecahbelah.

Beliau memberi contoh sebuah negara yang mempunyai 100 peratus rakyat beragama Islam tetapi masih jatuh ke tangan orang lain disebabkan keadaan rakyatnya yang bermusuhan sesama sendiri.

(Petikan dari Berita Harian, September 23, 1980 di bawah kepala, "Agama: Dr. M beri amaran").

Mengenai subjek yang sama yakni penyalahgunaan agama untuk kepentingan sendiri, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Datuk Mohamad Amin bin Osman, mendedahkan beberapa hari yang lalu tentang niat jahat Komunis dengan membentuk pertubuhan palsu bergelar Persatuan Persaudaraan Islam (PAPERI) untuk menarik masyarakat Islam menyokongnya.

Persatuan tersebut dari masa ke semasa telah mengeluarkan risalah propaganda dalam tulisan rumi yang disiarkan pada hari-hari perayaan Islam.

(Dipetik dari Utusan Melayu, September 22, 1980 di bawah tajuk, "Taktik

baru Komunis penguaruhi masyarakat Islam").

Komen Penulis:

Dari apa yang diperkatakan oleh Datuk Seri Dr. M dan Tan Sri Mohamad Amin tadi (dan secara berbandukan kepada apa yang berlaku di negara-negara lain) jika tindakan yang sewajarnya tidak diambil oleh Kerajaan untuk menghalang orang-orang yang menggunakan agama untuk kepentingan diri sendiri itu, maka akan berpecahbelahlah masyarakat Melayu (Islam) kepada beberapa kumpulan—perpecahan yang akan pula akhirnya membawa kepada ketidakstabilan politik, keruntuhan ekonomi negara dan keadaan huru-hara, yang mungkin melibatkan pertumpahan darah!

"Berpecahbelah kepada beberapa kumpulan", penulis sebutkan tadi: Pertama, kumpulan petualang politik yang mengguna agama untuk kepentingan sendiri. Kedua, kumpulan yang mengandungi tokoh-tokoh agama berniat baik (tapi tidak memahami Perlembagaan) yang mahu undang-undang Islam dilaksanakan 100 peratus (dalam konteks, haramkan itu haramkan ini, tutup itu tutup ini dengan berpandukan kepada apa yang berlaku di luar negeri) dan Kerajaan yang tidak sedia berbuat demikian akan dianggap "tidak sempurna" dan mesti dikutuk dan dihentam siang dan malam—lebih-lebih lagi jika Kabinet Kerajaan berkenaan dianggotai pula oleh sebilangan pemimpin bukan Islam. Ketiga, kumpulan sederhana, rasional dan toleransi, dalam konteks menyedari bahawa demi kepentingan masyarakat, orang Islam dan bukan Islam mestilah bersedia hidup aman damai seperti dimaksudkan oleh Perlembagaan dan Rukun Negara. Dan kumpulan keempat pula adalah terdiri dari orang-orang Islam palsu, yakni, kumpulan berniat jahat seperti

dikisahkan oleh Timbalan Ketua Polis Negara tadi.

Kumpulan-kumpulan pertama dan kedua akan mengangap kumpulan ketiga sebagai "kafir" dan melebal Kerajaan yang, kononnya, tidak 100 peratus berjiwa Islam itu sebagai musuh Islam yang mesti digulingkan. Kumpulan yang keempat pula bukan sahaja akan "mengapi-apikan" kumpulan pertama dan kedua malahan akan memberi sokongan moral dan fizikal yang sewajarnya kepada kumpulan-kumpulan tersebut dan secara serentak pula akan berusaha mendapatkan bantuan dari luar.

Akhirnya, akibat perpecahan di kalangan orang-orang Islam tulen seperti dikisahkan tadi, maka akan berpeluanglah kumpulan yang keempat itu "naik ke atas"; dan setelah kumpulan ini berkuasa, Rejim yang mereka tubuhkan nanti akan memertingkatkan kumpulan-kumpulan pertama dan kedua, kerana ianya adalah jauh lebih "imperfect" (kurang sempurna) dalam konteks keadilan, keadilan, kebebasan dan keperikemanusiaan dari Kerajaan yang lama dahulu!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri

No. Penerima